

## SK Mutiara jemput Qasidah Nur Qalbi buat persembahan

Written by Suliani Sedik

Wednesday, 10 July 2013 15:47 - Last Updated Wednesday, 10 July 2013 16:00

---

**Bandar Sierra, 10 Julai** – Sekolah Kebangsaan Mutiara telah menjemput Qasidah Nur Qalbi SRI Al-Hafidz membuat persembahan di Program Istiqbal Ramadhan peringkat sekolah tersebut



kelmarin.

Qasidah SRI Al-Hafidz yang diketuai oleh Ustaz Razlie telah mempersembahkan empat lagu iaitu selawat Thobibiyah, Ya Imamarushli, Ya Hanana dan Sholatun Bisalamil mubin.

Persembahan yang menarik minat pelajar sehingga mereka mengikuti lagu yang dipersembahkan membuatkan suasana dewan ceria.

Kumpulan Qasidah ini mempunyai 25 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar berumur 8 hingga 9 tahun dan dilatih daripada 3 orang guru iaitu Ustaz Razlie, Ustaz Junaidy dan Ustaz Zakaria.

Program dimulakan dengan nyanyian lagu negaraku, Sabah tanah airku, lagu sekolah dan Asma'ul Husna. Setelah itu, penerangan ramadhan yang disampaikan oleh Ustaz Basri.

Setelah membuat persembahan, ahli kumpulan Qasidah Nur Qalbi telah diberi wang saguhati beserta sijil penghargaan daripada pihak penganjur.

## SK Mutiara jemput Qasidah Nur Qalbi buat persembahan

Written by Suliani Sedik

Wednesday, 10 July 2013 15:47 - Last Updated Wednesday, 10 July 2013 16:00

---

Sesiapa yang berminat menjemput Qasidah SRI Al-Hafidz untuk membuat persembahan di majlis-majlis rasmi yang anda adakan. Sila hubungi Ustaz Razlie di talian 0148508505 atau 088473978.

Untuk melihat gambar sepanjang program sila klik [di sini](#). Manakala untuk melihat video sila klik [di sini](#)

Marilah kita menambahkan akaun akhirat dengan memberi sumbangan bagi menjayakan dan mempertingkatkan SRI Al-Hafidz. Sebarang sumbangan untuk SRI Al-Hafidz boleh dihulur ke akaun atas nama sekolah agama rakyat Al-Hafidz melalui:

i)Bank Islam                      No Akaun 100 160 100 782 10

ii)Maybank Islamik              No Akaun 560 214 005 477

iii)Bank Muamalat                No Akaun 1001-0002266-71-8